

UNIT RUJUKAN DAN...
DITERIMA
17 APR 2017
U.R.D
M.B.P.J.

→ HALAMAN KOTA

[FOTO IHSAN PEMBACA]



Kedadaan banjir kilat yang melanda Batu 7 1/2 Hulu Klang, Rabu lalu.

Sebahagian taman perumahan di sekitar Kelapa Sawit, Kulai ditenggelami banjir kilat, Rabu lalu.

ELAK BENCANA ALAM, BANJIR KILAT

PBT perlu cekap urus air hujan

BH
17/4/17
mls-13

➔ Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) patut jadi panduan semua

Oleh Badrul Kamal Zakaria
badrulkamal@bh.com.my

► Tangkak

Semua pihak termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu mematuhi garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) bagi mengelak bencana alam termasuk banjir kilat yang sering berlaku terutama di kawasan bandar.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri, berkata jika semua pihak mematuhi garis panduan berkenaan, ia akan dapat mengelakkan kejadian banjir kilat daripada berulang.

Katanya, antara punca utama banjir kilat ialah sistem perparitan dan saliran yang kurang cekap ser-

ta tidak dibangunkan dengan sempurna.

“Semua pihak perlu memastikan sistem berkenaan tidak tersumbat dan mengelakkan pendedapan kelodak tanah di kawasan bumi yang diteroka. Dalam erti kata lain, air hujan perlu diurus dengan sempurna dan cekap, sebagaimana yang terkandung dalam MASMA.

Sistem perparitan tersumbat

“Katakan sungai... sistem pengaliran dan kawasan tadahan air dinaik taraf tetapi sistem perparitan tidak diuruskan dengan sempurna, maka akan berlaku banjir kilat,” katanya kepada *BH* ketika ditemui di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di Lembah Klang pada Rabu lalu berikutan hujan lebat berterusan lebih sejam dan kejadian sama yang berlaku di Johor Bahru pada Khamis.

Pada kejadian Rabu lalu, antara kawasan terjejas teruk adalah sebahagian Lebuh raya Lingkaran Tengah 2 di Hulu Klang berhampiran Zoo Negara serta di Batu 71/2 Hulu Klang apabila 46 keluarga terpaksa

meninggalkan rumah masing-masing kerana dinaiki air.

Dalam kejadian banjir kilat di Johor Bahru pula, antara kawasan yang terjejas adalah Kampung Maju Jaya, Kampung Bunga Ros, Kampung Kangkar Tebrau dan Kampung Paya Kenangan.

Menurut Pegawai Pertahanan Awam Daerah Johor Bahru, Kapten (PA) Mohd Aziz Jupri, pihaknya difahamkan, kejadian banjir kilat di Kampung Maju Jaya adalah disebabkan sistem perparitan yang tersumbat

Hamim berkata, perkara paling penting dalam mengatasi masalah banjir kilat di kawasan bandar adalah semua sistem perparitan dan tebatan banjir perlu disesuaikan dengan perubahan iklim yang agak serius pada masa ini.

Katanya, keadaan ini juga disebabkan corak taburan hujan yang tinggi dan keadaan musim hujan berubah hingga menyebabkan negara yang sepatutnya mengalami musim kering tetapi menjadi musim basah.

“Taburan hujan pada masa tertentu juga mencecah hampir dua kali ganda berbanding rekod terdahulu. Contohnya, kalau dahulu sepatutnya hanya 30 milimeter

(mm), kini dah jadi 60 mm.

Ambil kira perubahan iklim

“Justeru, kita perlu melihat perkara ini secara menyeluruh. Ini termasuk reka bentuk dan juga pengurusan mengenainya perlu mengambil kira keadaan perubahan iklim yang serius,” katanya.

Beliau berkata, MASMA juga hanya boleh diperkukuh dan berfungsi dengan baik sekiranya cadangan Rang Undang-Undang Sumber Air Negara yang dicadangkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dapat diguna pakai semua kerajaan negeri.

“Rang undang-undang ini tidak hanya berkaitan soal pengurusan bekalan air, tetapi turut merangkumi keseluruhan pengurusan sumber air termasuk hujan, sistem pengaliran, sistem pengaliran, tadahan, tuaian, ekstrak air bawah tanah, selain soal keselamatan seperti kawasan tadahan, kolam dan rekreasi.

“Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga akan memberi kuasa sepenuhnya kepada setiap kerajaan negeri menguruskan sumber air mereka sendiri termasuk juga isu banjir kilat,” katanya.



Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga akan memberi kuasa sepenuhnya kepada setiap kerajaan negeri menguruskan sumber air mereka sendiri termasuk juga isu banjir kilat”

Hamim Samuri,
Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar